

BAB 2 :NEGERI SEMBILAN SEBAGAI SEBUAH ENTITI POLITIK BEBAS(1773 - 1874)

PENDAHULUAN

Pada keseluruhannya kewujudan Negeri Sembilan sebagai sebuah entiti politik boleh dikatakan berlaku menjelang tahun 1773 apabila seorang putera raja dari Pagar Ruyung dijemput dan dilantik sebagai Yang Di Pertuan Negeri Sembilan dan seterusnya dikenali sebagai Yam Tuan Besar yang bersemayam di Seri Menanti.¹ Sebelum itu Negeri Sembilan berada di bawah Kesultanan Melayu Melaka.² Kesultanan Melayu Melaka untuk lebih kurang satu abad (1400 - 1511) merupakan sebuah empayar yang terkuat di Nusantara. Negeri - negeri taklukannya bukan sahaja merangkumi negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu tetapi termasuk negeri - negeri pesisir di bahagian timur Sumatera.

Ini bermakna kawasan Sang Hyiang Hujung³ (termasuk Kuala Sungai Linggi sebagai bekas taklukan Majapahit di Semenanjung Tanah Melayu dan Kelang di Selangor) termasuk di bawah naungan Kesultanan Melaka. Sebelum pemerintahan Sultan Mansur Shah di Melaka yang memerintah dari 1458-Okttober 1477, Sang

¹ E.W. Birch, ' Constitutions Of The Negri Sembilan', *JSBRAS*, No 46, 1906, hlm.10.

² Abdul Samad Idris berpendapat masih samar - samar samaada Negeri Sembilan merupakan sebahagian daripada Kerajaan Melayu Melaka sekitar abad ke 15 dan 16, sehingga berakhirnya pemerintahan Sultan Mahmud Shah setelah Melaka ditawan oleh Portugis pada Ogos 1511. Ini mungkin disebabkan tidak terdapat sumber yang konkret mengenai hubungan Negeri Sembilan - Melaka dalam tempoh masa tersebut. R.J. Wilkinson pula berpendapat bahawa Melaka pernah mengamalkan kekuasaannya ke atas Sungai Ujong, Rembau dan Naning. (R.J. Wilkinson, *Notes On Negri Sembilan*, Papers On Malay Subject, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 287.)

³ Sang Hyiang Hujung merupakan nama lama bagi kawasan Sungai Ujong.

Hyang Ujong dimiliki oleh dua orang ketua Melaka iaitu Bendahara Tun Perak dan Seri Nara Diraja Tun Ali.⁴

Menjelang abad ke-15 bagi memudahkan aspek pentadbiran, Kesultanan Melayu Melaka telah melantik ketua-ketua daerah bagi negeri-negeri di bawah taklukannya termasuk Negeri Sembilan.⁵ Walau bagaimanapun kegemilangan Melaka sebagai sebuah empayar tidak kekal lama. Serangan Portugis ke atas Melaka dalam tahun 1511 mengakibatkan kemasuhan empayar tersebut. Ekspedisi penaklukan Melaka diketuai oleh Albuquerque dan beliau berjaya menawan Kota Melaka pada 10 Ogos 1511 setelah dikepung selama lebih sebulan.⁶

Kejatuhan Melaka ke dalam cengkaman Portugis menyebabkan Sultan Mahmud (Sultan Melaka) berundur ke Johor lalu mengasaskan kerajaannya di sana. Sultan Mahmud digantikan oleh anakandanya, Sultan Alauddin Riayat Syah yang merupakan raja yang pertama dari dinasti Melaka yang seterusnya memerintah sebuah kerajaan yang dikenali sebagai kerajaan Johor.⁷ Dengan perpindahan pusat pemerintahan Melaka ke Johor negeri-negeri taklukannya turut menumpahkan taat setia kepada kesultanan baru tersebut.

⁴ R.O. Winstedt, 'Negri Sembilan, Their History, Polity and Beliefs Of Nine States', *JMBRAS*, Vol. XII, Part III, 1934, hlm.42.

⁵ J. M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London, Athlone Press, 1958, hlm.9.

⁶ Barbara Watson Andaya dan L.Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya, Macmillan Publisher, 1983, hlm.63.

⁷ Ibid., hlm. 65.

Walaupun perpindahan Kesultanan Melayu Melaka ke Johor menyebabkan negeri-negeri naungannya meneruskan taat setia kepada kerajaan baru tersebut namun kemantapan Johor sebagai sebuah kerajaan yang meneruskan zuriat Raja-Raja berketurunan Melaka mula lemah. Ini diikuti oleh persaingan yang berlaku di antara kuasa-kuasa seperti Portugis, Belanda dan Bugis yang masing-masing selain dari menguasai monopoli perdagangan di Kepulauan Melayu juga ingin menegakkan kekuasaan mereka ke atas wilayah-wilayah di Alam Melayu.

ZAMAN JOHOR - RIAU

Selama kekuasaan Melaka, wilayah-wilayah di Negeri Sembilan ternyata berada di bawah lingkungan kuasa pembesar Melaka. Di dalam karya agung *Sejarah Melayu* yang menggambarkan dengan terperinci mengenai sejarah Kerajaan Melayu Melaka ada menyebut mengenai daerah-daerah di Negeri Sembilan seperti Sungai Ujong dan Kelang yang berada di bawah kekuasaan para pembesar Melaka terutama Bendahara.⁸

Kejatuhan Kesultanan Melaka pada awal abad ke- 16 akibat serangan Portugis dan diikuti oleh Belanda sehingga awal abad ke- 19 melemahkan kekuasaan tertinggi Melayu ke atas wilayah Minangkabau ini. Walau bagaimanapun mereka masih meneruskan taat setia kepada keturunan Kesultanan Melaka yang terus berkuasa di Johor dan Riau. Di peringkat awal hubungan antara Negeri Sembilan dengan Johor amat erat seperti kata perbilangan;

⁸ Zainal Kling, 'Pengaruh Kebudayaan Minangkabau Di Malaysia', Seminar Kebudayaan Minangkabau, Sumatera, 1985, hlm.6.

“ Sa lilit Pulan Pricha(Percha),
“ Sa limpong Tanah Malayu,
“ Ber raja ka Johor,
“Ber tali ka Siak,
“Ber tuan ka Menangkabau.”⁹

Malahan keempat-empat wilayah yang utama dalam Negeri Sembilan iaitu Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Johol pada masa itu diperintah oleh Penghulu yang dinaungi oleh Kerajaan Johor.¹⁰ Semasa Negeri Sembilan berada di bawah naungan Johor, Penghulu-Penghulu tersebut telah menghantar bunga emas atau pokok emas dalam setiap dua tahun sebagai tanda taat setia kepada kekuasaan Johor.¹¹

Menjelang tahun 1770-an Sultan Johor tidak dapat lagi menuaikan kewajipannya sebagai penaung kepada daerah-daerah di Negeri Sembilan, sedangkan kerajaan-kerajaan kecil itu sentiasa menerima ancaman daripada Bugis yang sering menganggu perairan Selat Melaka.¹² Ini diikuti oleh peristiwa pembunuhan Sultan Mahmud II pada 1699 yang menyebabkan Johor bertambah lemah untuk memberi naungan ke atas wilayah-wilayah di Negeri Sembilan. Peluang ini diambil dengan baik oleh Belanda yang telah memainkan peranan utama ke atas wilayah-wilayah tersebut.¹³

⁹ A. Hale, ' Folk - Lore and The Minangkabau Code In The Negri Sembilan ', *JSBRAS*, No 31, July 1898, hlm.52.

¹⁰ H.A.O ' Brien, 'Jelebu' , *JSBRAS*, Singapore, 1884, hlm.42.

¹¹ R.J. Wilkinson, 'Sungei Ujong', *JSBRAS*, No 83, 1921, hlm.131.

¹² Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850 - 1873 : The Effects of Commercial Development On Malay Politics*, Oxford University Press, London, 1972, hlm.14.

¹³ Zainal Kling, ' Pengaruh Kebudayaan Minangkabau Di Malaysia ', op. cit, hlm. 9.

Malahan Belanda telah mengakui kewujudan wilayah-wilayah ini bermula dengan Naning pada tahun 1643.¹⁴ Seterusnya wilayah-wilayah Sungai Ujong dan Rembau turut mendapat pengakuan itu dari Johor yang juga sudah berbaik dengan Belanda. Menjelang abad ke-18 semua wilayah ini telah mula memikirkan cara untuk mendapatkan seorang pemerintah bagi memimpin mereka di samping membebaskan diri dari kekuasaan Johor.¹⁵

Di peringkat awal Sultan Abdul Jalil Shah yang merupakan penaung kepada daerah-daerah yang merangkumi Negeri Sembilan telah melantik Daeng Kemboja (putera Bugis) sebagai ketua mereka. Walau bagaimanapun pemerintahannya tidak diperakui oleh Penghulu dari Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Hulu Muar. Dengan bantuan Belanda dan persetujuan Sultan Johor mereka telah meminta seorang putera dari Minangkabau untuk menjadi ketua mereka. Pada masa tersebut Penghulu-Penghulu dari empat wilayah yang utama iaitu Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Hulu Muar telah mengundang seorang putera dari Pagar Ruyung untuk memulihkan keamanan dalam daerah-daerah di Negeri Sembilan.¹⁶

Walaupun beberapa orang telah diterima sebagai pemimpin namun mereka tidak cukup berkarisme untuk menyatukan wilayah-wilayah kecil ini sehingga berlaku perang saudara pada pertengahan kurun ke-18 yang berakhir dengan pertabalan Raja Melewar sebagai Yamtuan Negeri Sembilan pada 1773.¹⁷ Dalam pertempuran di

¹⁴ Wilkinson, *Notes On Negri Sembilan, Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 289.

¹⁵ Zainal Kling, 'Pengaruh Kebudayaan Minangkabau di Malaysia', op. cit., hlm. 10.

¹⁶ Diane Lewis, 'A Study of Local History, JMBRAS, Vol. 33, Part 1, No 189, 1960, hlm. 65.

¹⁷ Sebelum Raja Melewar bertolak ke Negeri Sembilan, Raja Khatib terlebih dahulu telah dihantar untuk menyediakan persiapan bagi menyambut kedatangan Raja Melewar ke negeri tersebut.

antara Raja Melewar dan Daeng Kemboja, putera Bugis tersebut telah tewas dan berundur ke Riau dan meninggal pada tahun 1773.¹⁸

Di samping itu Sultan Abdul Jalil telah mengumumkan bahawa keempat-empat Penghulu dari Sungai Ujong, Johol, Naning dan Jelebu tidak lagi berada di bawah naungan kekuasaannya dan baginda telah memindahkan kekuasaan baginda tersebut ke atas mereka kepada Raja Minangkabau.¹⁹ Dengan ini berakhirlah hubungan di antara Negeri Sembilan dan Johor yang telah berterusan sejak pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka lagi.

Kejatuhan keturunan Kesultanan Melaka sebagai penyambung zuriat Raja - Raja Melayu di Johor telah membuka jalan bagi perebutan kuasa dan perang saudara dalam wilayah-wilayah jajahan di Kepulauan Nusantara. Salah satu daripadanya ialah perang saudara yang berlaku di Johor antara keturunan Bendahara yang memegang tampuk pemerintahan dengan Raja Kechil yang mengaku dirinya sebagai putera Sultan Mahmud. Perang ini berlanjutan sehingga 1722. Salah satu impak perang saudara tersebut ialah penularan kuasa Bugis ke rantau tersebut sebagai pengimbang kuasa di Johor - Riau dan seluruh Semenanjung.

¹⁸ D.F.A., Hervey, 'Rembau', *JSBRAS*, No 13, 1884, hlm. 246.

¹⁹ R.N. Bland, 'Aturan Sungai Ujong', *JSBRAS*, No 28, 1895, hlm.56.

Memandangkan Raja Kechil mempunyai hubungan erat dengan pemerintah di Pagar Ruyong, ini secara tidak langsung mewujudkan persaingan di antara Bugis dan Minangkabau di Negeri Sembilan.²⁰ Malahan abad ke 18 sering disebut sebagai ‘zaman Bugis’ dalam sejarah orang - orang Melayu.²¹ Disebabkan perang saudara yang berlaku di tanahair mereka iaitu di Sulawesi Selatan, masyarakat Bugis terpaksa mencari kawasan-kawasan baru bagi tujuan perlindungan.

SISTEM POLITIK NEGERI SEMBILAN SEBELUM 1874

Boleh dikatakan Negeri Sembilan tidak mempunyai sebarang bentuk kerajaan pusat sehingga tahun 1773. Walaupun di zaman Kesultanan Melaka (1400-1511) telah bertapak segolongan kecil kelas pemerintah yang bergantung kepada Melaka, namun pemerintah ini tidak lebih dari penghulu-penghulu daerah tempatan. Dalam tempoh 250 tahun di antara periodisasi kejatuhan Kesultanan Melaka dengan kemunculan satu dinasti di raja di Negeri Sembilan telah berlaku perpindahan masuk penduduk dari luar ke negeri tersebut dan kebanyakannya dari Minangkabau.²²

Pengaruh Minangkabau ini dengan mudahnya terserap ke dalam masyarakat Negeri Sembilan memandangkan sebilangan besar penduduk awal Negeri Sembilan adalah terdiri dari keturunan orang Minangkabau yang telah berhijrah sejak abad ke-15 lagi. Kedatangan mereka dalam kumpulan-kumpulan yang kecil telah membawa

²⁰ Bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai persaingan di antara Bugis dan Minangkabau di Negeri Sembilan sila rujuk: Norhalim Haji Ibrahim, *Sejarah Linggi: Pintu Gerbang Sejarah Pembangunan Negeri Sembilan*, Fajar Bakti, Shah Alam, 1998.

²¹ Andaya, op. cit. hlm. 91

²² J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 55.

bersama-sama mereka sisa-sisa satu sistem penyatuan zuriat yang berdasarkan keturunan.

Gullick menyebutnya sebagai ‘sisa satu sistem’ kerana menurut pandangan beliau keadaan pindah masuk secara kumpulan-kumpulan kecil ini menjadikan mustahil bagi mereka membawa ikatan kekeluargaan yang sebenarnya yang merangkumi lebih daripada kumpulan-kumpulan kecil itu.

Walau bagaimanapun boleh dikatakan mereka berjaya membawa idea mengenai keseluruhan sistem itu dan membina semula susunan politik mereka berasaskan sistem tersebut. Sistem sosial dan politik yang berasal dari Minangkabau diteruskan namun ia telah mengalami banyak perubahan selaras dengan keadaan luak - luak di Negeri Sembilan.

Berbeza dengan sistem politik Negeri-Negeri Melayu yang lain, susunan politik Negeri Sembilan adalah unik kerana ia merupakan satu sistem yang diubah suai dari sistem masyarakat Minangkabau. Walaupun keseluruhan sistem kemasyarakatan di Negeri Sembilan berasal dari Minangkabau tetapi ia sudah mengalami proses transformasi yang mendalam sesuai dengan keperluan fizikal tempatan. Struktur masyarakat Negeri Sembilan adalah mengikut satu susunan yang unik samaada dari segi susunan masyarakatnya atau susunan pentadbirannya.

Masyarakat umumnya terdiri daripada beberapa perut yang dipimpin oleh seorang Buapak.²³ Perkataan Buapak berasal daripada gabungan perkataan ibu bapa. Ini bermaksud Buapak memainkan peranan sebagai ibu bapa kepada anggota - anggota perutnya. Buapak yang dilantik terdiri dari seorang lelaki yang telah lama tinggal di sesebuah kampung. Beliau dipilih dengan persetujuan dari anggota perutnya yang dewasa dan pemilihannya akan disahkan oleh ketua di peringkat atasnya iaitu Lembaga.

Peringkat kedua ialah Suku yang diketuai oleh Lembaga.²⁴ Di antara tugas - tugas Lembaga ialah menghadiri upacara-upacara seperti pertunangan, perkahwinan, perkhatanan dan upacara-upacara rasmi. Lembaga juga merupakan penjaga harta benda suku;

“The stretches of rice field
The path over the knolls in the swamps
The old betel-nut palms
The ancestral coconut palms
Belong to the tribal headman”²⁵

Pemilihan seseorang Lembaga itu berdasarkan kepada konsep ‘ kebulatan’ iaitu semua yang menghadiri mesyuarat memberikan tanda persetujuan. Perlantikan seseorang Lembaga itu akan disahkan oleh Undang.²⁶ Jawatan Lembaga dianggap penting di dalam struktur politik Negeri Sembilan memandangkan ia mewakili

²³ Perut ialah anggota-anggota dalam masyarakat yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas dan mereka itu juga berasal dari satu nenek moyang yang sama.

²⁴ Suku ialah hubungan kekeluargaan antara perut - perut yang berada dalam sesuatu suku. Ini bermaksud beberapa buah perut akan membentuk satu suku yang dipimpin oleh seorang Lembaga.

²⁵ R.O. Winstedt, ‘ Negri Sembilan, Their History, Polity and Beliefs Of Nine States’, *JMBRAS*, Vol. XII, Part 3, 1934, hlm. 88.

²⁶ Undang merupakan istilah yang ditujukan khas kepada ketua-ketua Luak Sungai Ujong, Johol, Jelebu dan Rembau. Namun ada yang menggunakan istilah Undang ini sebagai Ketua Luak Tanah Mengandung yang sebenarnya bergelar Penghulu.

kumpulan terbesar masyarakat. Lembaga dianggap sebagai wakil bagi kumpulan suku untuk memberitahu apa- apa masalah mengenai pentadbiran adat.

Selain itu apabila tanah-tanah baru diperolehi oleh sesuatu suku, Lembaga akan menandakan sempadan bagi kawasan tersebut selepas Penghulu menentukan harga kawasan tersebut. Lembaga juga perlu menghadiri pejabat Pegawai Daerah bagi melindungi kepentingan harta wanita-wanita dari suku yang bertukar milik disebabkan oleh kematian atau dijual.²⁷

Seterusnya suku bergabung membentuk satu kawasan yang luas yang dipanggil luak di mana ia ditadbirkan oleh Undang Luak. Luak pula akan membentuk sebuah negeri di mana ia diperintah oleh Yang Dipertuan Besar atau juga dikenali sebagai Yamtuan. Sistem pentadbiran yakni bermula dari yang rakyat diberi kebebasan memilih seorang ketua yang dipanggil Buapak. Kumpulan Buapak pula akan memilih Lembaga, kumpulan Lembaga memilih Penghulu atau Undang dan kumpulan Undang memilih Raja atau Yang Dipertuan Besar.

Dalam menjalankan pentadbiran, Yamtuan akan bertitah kepada Undang, Undang kepada Lembaga, Lembaga kepada Buapak dan Buapak kepada anak buah. Setiap pemilihan adalah berdasarkan suara majoriti. Undang boleh dipecat oleh Lembaga, Lembaga boleh dipecat oleh Buapak dan Buapak oleh anak buah.

²⁷ Ibid.

Susunan yang paling bawah dalam sistem politik Negeri Sembilan terdiri daripada orang ramai yang juga dikenali dengan panggilan anak buah. Peringkat atas daripada anak buah ialah Kadim. Gelaran Kadim adalah gelaran bagi ketua rumpun yang merupakan kelompok kekeluargaan yang terkecil dan luas yang mengandungi ahli sekurang-kurangnya tiga generasi.²⁸ Kadim juga dikenali sebagai Tua Ruang atau Tua Waris. Biasanya Tua Ruang atau Kadim adalah lelaki tertua di kalangan keluarga terbabit.

Menurut Joselin de Jong, terdapat beberapa perbezaan di antara struktur politik di Negeri Sembilan berbanding dengan Minangkabau. Di antaranya ialah pembahagian wilayah tertinggi di Minangkabau ialah nagari (desa) tetapi di Negeri Sembilan ialah Luak (daerah). Terdapat seorang ketua di dalam sebuah luak yang bergelar Undang atau Penghulu tetapi di nagari pula diketuai oleh sebuah majlis yang dikenali sebagai ‘penghulu kaampek suku’. Tidak ada lagi konsep ‘pucuk’ pada sebuah jawatan tertinggi di Minangkabau tetapi masih ada jawatan Yamtuan Besar di Negeri Sembilan sebagai seorang ‘pucuk keadilan’.

Sementara konsep ‘suku’ sebagai seperempat dari seluruh kesatuan masih berlaku di Minangkabau tetapi hanya tinggal konsep tanpa realiti di Negeri Sembilan. Susunan empat-empat di dalam luak atau pendesaan tidak lagi berlaku. Malahan terdapat nama suku yang amat berlainan di antara kedua wilayah.²⁹

²⁸ Suatu perut boleh dikecilkan lagi kepada rumpun. Lazimnya sesuatu rumpun itu merupakan satu unit keluarga yang terkecil sekali iaitu terdiri dari seorang ibu dan anak - anaknya. Ruang pula merupakan dua atau tiga rumpun yang tinggal bersama - sama. (Idris Haji Tain, ‘ Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih ’, dlm. Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, hlm.2)

²⁹ Josselin De Jong, *Minangkabau and Negri Sembilan : Socio Political Structure In Indonesia*, Jakarta, 1960, hlm.14.

Dari segi pentadbiran politik, luak-luak di Negeri Sembilan diperintah oleh seorang penghulu.³⁰ Bagi empat luak utama iaitu Rembau, Sungai Ujong, Johol dan Jelebu pemerintahnya dipanggil Undang dan bukannya Penghulu sebagaimana di luak - luak lain. Ketua-ketua ini dipilih dari bawah yakni dari anak buah memilih Buapak melalui muafakat dan kebulatan suara, Buapak pula memilih Lembaga dan Lembaga memilih Penghulu atau Undang.

Proses ini dianggap demokrasi dari segi hak memilih seseorang ketua. Setiap ketua tersebut dipilih mengikut adat dan hirakinya seperti kata perbilangan;

“Berjinjang naik, bertangga turun,
Naik dari jinjang nan bawah
Turun dari tangga nan atas
Alam beraja, Luhak berpenghulu
Lembaga bersuku, Suku bertua
Anak buah berbuapak.”³¹

Dengan perkataan lain ia membawa maksud, negeri diketuai oleh Raja, luak atau daerah diketuai oleh Penghulu, suku oleh Lembaga dan anak buah oleh Buapak. Bilangan Penghulu, Lembaga dan Buapak adalah sukar ditentukan kerana sentiasa berubah dari masa ke semasa. Setiap pemimpin tersebut berkuasa secara sah selagi mereka tidak dipecat kerana sesuatu sebab atau kesalahan.

³⁰ Diane Lewis, 'Inas: A Study Of Local History ', *JMBRAS*, Vol. XXXIII, Part 1, 1960, Vol. 33, hlm 65.

³¹ Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850 - 1873 : The Effects of Commercial Development on Malay Politics*, Oxford University Press, London, 1972, hlm.16.

Kelompok suku adalah kelompok utama dalam organisasi masyarakat terutama dalam suasana tradisional di mana keseluruhan pergerakan dan kegiatan masyarakat diorganisasi berdasarkan suku.³² Walaupun kehidupan anak buah dikendalikan oleh ikatan kekeluargaan memandangkan mereka terpaksa tinggal di satu-satu tempat yang tertentu maka dalam hubungan politik mereka perlu patuh kepada Datuk Penghulu di tiap - tiap sesebuah luak.

Kedudukan Datuk Penghulu memang tetap berasaskan ikatan kekeluargaan kerana calon-calon untuk gelaran itu berasal daripada suku-suku yang tertentu misalnya calon untuk gelaran Datuk Kelana semestinya berasal daripada Suku Biduanda (waris) Hilir atau Hulu. Manakala calon untuk gelaran Datuk Penghulu Rembau semestinya berasal daripada Suku Biduanda Jakun atau Jawa. Namun demikian kewibawaan yang diberikan kepada Datuk Penghulu tidak terhad kepada golongan kekeluargaan sahaja. Setiap orang Datuk Penghulu mempunyai pegangan territorial yang tertentu misalnya pegangan Datuk Kelana ialah Sungai Ujong, pegangan Datuk Mendika Menteri Akhir Zaman ialah Jelebu.

Malahan dalam tiap-tiap daerah di Negeri Sembilan terdapat satu kumpulan yang diakui sebagai waris negeri yang berhak atau layak menjadi pembesar bagi daerah itu. Kumpulan waris ini pada asalnya bersifat nisab bapa mengikut tradisi Kesultanan Melaka dan berkahwin dengan orang-orang Minangkabau yang bertradisi nisab ibu.³³ Lama-kelamaan menyerapkan peraturan-peraturan mereka bagi

³² Zainal Kling, ' Struktur dan Organisasi Kekerabatan di Wilayah Adat Perpatih Naning', dlm. Mohd Taib Osman dan Hamdan Hassan, *Bingkisan Kenangan Untuk Pendeta*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm.120.

³³ R.O.Winstedt, ' Negri Sembilan, The History, Polity and Beliefs of Nine States', JMBRAS, Vol. X11, Part 111, 1934, hlm.43.

pemindahan jawatan politik kepada keturunan nisab ibu. Perubahan ini sebenarnya sudah pun berlaku lama sejak abad ke-19 lagi. Pegawai-pegawai itu termasuklah Orang Empat Istana dan lain-lain Lembaga Adat Lingkungan yang mempunyai peranannya masing-masing terutama dalam hal-ehwal adat istiadat dalam istana.

Perlantikan pembesar-pembesar daerah dan pembentukan jabatan dalam kerajaan Negeri Sembilan pada masa itu hampir sama dengan yang terdapat di Pagar Ruyung. Pepatah berikut dapat menggambarkan keadaan ini dengan jelas;

“Bulat anak buah menjadi Buapak
Bulat buapak menjadi Lembaga
Bulat Lembaga menjadi Penghulu
Bulat Penghulu menjadi Raja”³⁴

KEWUJUDAN YAMTUAN NEGERI SEMBILAN

Seperti yang tercatit dalam *Sejarah Melayu* sebelum Negeri Sembilan mempunyai raja yang pertama iaitu Raja Melewar (1773), Negeri Sembilan berada di bawah pemerintahan Johor atau merupakan sebahagian dari Johor.³⁵ Di dalam wilayah ini terdapat beberapa buah daerah atau luak yang diketuai oleh Penghulu Luak. Mereka dibantu oleh Lembaga dan Buapak. Penghulu-penghulu yang memerintah di luak masing-masing ini mendapat mandat atau kuasa dari Sultan Johor sendiri.

Apabila Johor diancam oleh Belanda menjelang 1760 dan diikuti oleh perusuhan dengan orang-orang Bugis menyebabkan Sultan Johor tidak mampu

³⁴ Malaysia Kita, Intan, 1991, hlm. 274.

³⁵ Abdul Samad Idris, *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Utusan Printcorps Sdn. Bhd, 1988, hlm.38

Apabila Johor diancam oleh Belanda menjelang 1760 dan diikuti oleh perrusuhan dengan orang-orang Bugis menyebabkan Sultan Johor tidak mampu mengendalikan keadaan wilayah-wilayah di Negeri Sembilan.³⁶ Justeru itu pada tahun 1770 empat orang Dato' Undang dari wilayah - wilayah yang utama di Negeri Sembilan iaitu Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau telah menghantar utusan kepada Raja Pagar Ruyong bagi mendapatkan seorang putera raja dari Minangkabau untuk dirajakan di Negeri Sembilan.³⁷

Raja Melewar telah dihantar sebagai wakil dari Minangkabau dan beliau telah menghadap Sultan Johor. Sultan Johor telah mengurniakan kepada Raja Melewar sebuah cap mohor dan diberi kuasa penuh memerintah negeri yang kemudiannya dinamakan Negeri Sembilan. Dari Johor Raja Melewar tiba di Rembau. Di Penajis iaitu satu tempat di Rembau Raja Melewar telah ditabalkan sebagai Yamtuan pada 1773.³⁸

Setelah mengalahkan Raja Khatib (beliau mengakui diri sebagai anak raja dari Pagar Ruyung dan telah berkahwin dengan anak Penghulu Naam) barulah Raja Melewar disemayamkan di Seri Menanti sebagai Yamtuan Seri Menanti.³⁹ Daerah Seri Menanti dinamakan ‘Tanah Mengandung’ iaitu tanah yang dipunyai sendiri oleh Yamtuan.⁴⁰

³⁶ Abdul Samad Idris, ‘Secebis Mengenai Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya’ dlm *Seminar Kerapatan Adat Negeri Sembilan*, 1996.

³⁷ Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, hlm.43.

³⁸ Buyong Adil, hlm.45.

³⁹ Raja Lenggang (1801 - 1824) adalah Raja yang terakhir didatangkan dari Minangkabau. Selepas kemangkatan baginda, puteranya Raja Radin yang lahir di Negeri Sembilan dilantik sebagai Raja dan amalan menjemput Raja dari Pagar Ruyung telah dihentikan.

⁴⁰ Luak Tanah Mengandung membawa pergertian tanah ibunda yang selaras bermaksud kawasan tempat bersemayan Yang Dipertuan Besar. Luak Tanah Mengandung terdiri dari Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas. Ketua di luak - luak ini bergelar Penghulu. (Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1976, hlm.76.)

Dalam sistem politik Negeri Sembilan kerajaan pusat dilambangkan oleh Yam Tuan dan institusi itu hanya mempunyai satu fungsi yang utama iaitu memelihara perpaduan Negeri Sembilan. Yam Tuan juga disimbolkan sebagai lambang keadilan. Maka ditetapkan;

“ Raja itu tiada mempunyai negeri
tidak boleh mencukai kharajat
melainkan berkeadilan sahaja
serta permakanannya duit sesuku
beras dua gantang, nyior setali”.⁴¹

Kedudukan Yam Tuan juga berdasarkan organisasi territorial kerana baginda adalah ketua kerajaan Negeri Sembilan yang mempunyai sempadan dan sememangnya terletak dalam suatu kawasan yang tertentu iaitu kawasan sembilan buah negeri yang bersekutu untuk mewujudkan Alam Melayu.⁴² Tiap-tiap seorang Yam Tuan dilantik dari Pagar Ruyong dan kemudian dipilih dari kalangan anak-anak raja tempatan berdasarkan prinsip patrilineal.

Disebabkan ‘Raja itu tiadalah bernegeri’ maka Negeri Sembilan pernah disebutkan sebagai satu demokrasi yakni Raja tidak berwibawa mutlak dan anak buah (secara tidak langsung) dapat melantik dan menentukan ketua-ketua mereka termasuk Raja.⁴³ Kedudukan Yam Tuan juga dilambangkan oleh peribahasa Minangkabau;

“The Raja is the fount of equity
The Chief carries out the law
The cord for arrest is the tribal headman’s
The execution creese is the territorial chief’s
The headman’s sword is the Raja’s
He can stab without asking leave of any suzerain
He can behead without reporting it to any suzerain”⁴⁴

⁴¹ D.F. A. Hervey, ‘Rembau’, JSBRAS, No 13, 1884, hlm. 248.

⁴² Khoo Kay Kim, ‘Sistem Politik Negeri Sembilan’, dlm. Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Seremban, 1974, hlm. 14.

⁴³ Khoo Kay Kim, op. cit., hlm. 5

⁴⁴ R.O. Winstedt, op. cit., hlm. 91.

Dalam pada itu Yamtuan juga menghadapi kesulitan untuk mengumpul kekayaan dan adalah tidak mustahil untuk berjumpa dengan Penghulu yang hidup dalam keadaan yang lebih baik daripada Raja.⁴⁵

Malahan untuk jadi seorang pemimpin terdapat beberapa syarat iaitu;

- a)calon pemimpin harus terdiri daripada kaum lelaki yang mempunyai keturunan yang baik.
- b)beragama Islam dan sudah akil baligh.

Di antara kriteria-kriteria tersebut yang paling penting ialah perlantikan beliau haruslah telah dipersetujui oleh orang-orang yang bakal dipimpinnya iaitu anak - anak buahnya. Selain itu seseorang pemimpin itu secara umumnya dipilih berdasarkan sifat kepimpinannya dan peribadi yang baik.

Yam Tuan mempunyai sedikit kuasa pemerintahan secara langsung ke atas pentadbiran empat daerah kecil iaitu Terachi, Gunung Pasir, Ulu Muar dan Jempol yang berdekatan dengan Seri Menanti. Tetapi baginda tidak boleh campurtangan dalam hal ehwal empat wilayah yang lebih besar iaitu Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Johol yang mempunyai ketua utama yang dikenali sebagai Undang.⁴⁶

⁴⁵ Maria L.C. Labi, 'A Re - Analysis Of Negri Sembilan Socio - Political Organization', *JMBRAS*, Vol. XLII, Part 2, 1969, hlm.150.

⁴⁶ J.M. Gullick, 'The War With Yam Tuan Antah', *JMBRAS*, No 165, Vol. XXVII, Part I, 1954, hlm.2.

PERANAN INSTITUSI UNDANG DALAM POLITIK NEGERI SEMBILAN

Wilayah-wilayah di Negeri Sembilan ditadbir oleh seorang ketua yang dipanggil Penghulu Luak yang kemudiannya dikenali sebagai Undang.⁴⁷ Penghulu berada di puncak hiraki politik dan kepimpinan adat.⁴⁸ Beliau boleh dianggap sebagai ‘Raja’ bagi luak pemerintahnya. Gelaran Undang bagi ketua luak yang empat di Negeri Sembilan (Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Johol) tidak mempunyai persamaan dengan di Pagar Ruyong, Minangkabau.⁴⁹ Gelaran ‘Undang’ mungkin terbit dari perkataan ‘Undang-undang’.⁵⁰ Boleh dikatakan bahawa Undang itu merupakan pemegang undang-undang paling tinggi di dalam luaknya.

Penghulu atau Dato Penghulu adalah ketua setiap luak yang terdapat di Negeri Sembilan.⁵¹ Keempat-empat Dato Penghulu dikenali dengan istilah yang khusus iaitu Undang di Sungai Ujong, Rembau Jelebu dan Johol dan mereka mempunyai gelaran yang tertentu. Para Undang di setiap luak adalah dipilih dari suku yang asal (suku yang mula-mula sekali menduduki Negeri Sembilan dan suku itu dikenali sebagai suku Biduanda).

⁴⁷ Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Penerbitan Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1968, hlm.20. Gelaran Undang hanya digunakan di Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Johol.

⁴⁸ Norhalim Haji Ibrahim, *Adat Perpatih, Sejarah dan Sistem Sosial*, hlm.19.

⁴⁹ Tidak terdapat institusi Undang di Minangkabau. (Josselin De Jong *Minangkabau and Negri Sembilan : Socio - Political Structure in Indonesia*, Djakarta, 1960, hlm. 168 - 181.)

⁵⁰ Abdul Samad Idris, op. cit.

⁵¹ Taylor E.N. , ‘Customary Law Of Rembau’, *JMBRAS*, Vol. VII, Part 1, 1929, hlm. 274.

Setiap Penghulu luak ini diberi kuasa melalui cap mohor oleh Sultan Johor. Buktnya boleh dilihat dari cap mohor yang dihadiahkan oleh Sultan Abdul Jalil kepada Moyang Salleh di mana tertulis nama baginda di atasnya.⁵² Sebagai Ketua Adat, Undang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan adat agar ianya dipatuhi oleh anak buah di dalam luaknya. Dalam menguatkuasakan adat tersebut, Undang berperanan sebagai Hakim dan bidang kuasanya amat luas.

Kesalahan-kesalahan seperti menderhaka, penyalahgunaan kuasa oleh Lembaga (ketua suku), menyerang, mencederakan atau membunuh orang disebut sebagai ‘Pantang Undang’ dan hanya Undang sahaja yang boleh mengadili kesalahan - kesalahan seperti itu. Umumnya dalam kesalahan-kesalahan seperti itu Undang boleh menjatuhkan hukuman-hukuman tertentu seperti hukuman mati, buang negeri, pemecatan jawatan adat dan denda yang berjumlah satu bahara(14 ringgit) ke atas.⁵³

Di kalangan para Penghulu tersebut, terdapat susun pangkat yang jelas. Empat daripada Dato’ Penghulu tersebut iaitu Dato’ Penghulu Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Johol mempunyai status yang lebih tinggi. Mereka ini diberi wibawa untuk melantik Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan kerana itulah mereka dikenali sebagai ‘Penghulu Berlantik’.⁵⁴

⁵² Siti Normah, ‘*Sejarah Jelebu*’ Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1975.

⁵³ C.W.C.Parr and W.H. Mackray, ‘Rembau, One Of The Nine States: Its History, Constitution and Custom’, *JSBRAS*, Vol.56, 1910, hlm.53 - 6.

⁵⁴ Khoo Kay Kim, op. cit., hlm.3.

Sebenarnya keempat-empat Dato' Penghulu yang utama itu dikenali juga dengan istilah yang khusus iaitu Undang dan mereka ini pula mempunyai gelaran yang tertentu. Misalnya Undang Luak Sungai Ujong bergelar Dato' Kelana Putra, Undang Luak Rembau bergelar Dato' Sedia Raja dan Undang Luak Johol bergelar Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan. Manakala Undang Luak Jelebu pula bergelar Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman.

Sesungguhnya Penghulu memainkan peranan yang penting dalam sistem politik Negeri Sembilan. Di antara tugas - tugas seorang Penghulu ialah;

- a)dalam upacara kematian atau pengebumian, perkahwinan dan perkhatanan dalam keluarga kerabat di raja setiap Penghulu diwajipkan menghantar tiga ekor kerbau dan menyerahkan sejumlah wang kemungkinan bagi pegawai-pegawai yang mengambil bahagian dalam upacara-upacara tersebut.
- b) semasa perang, Penghulu dikehendaki menyediakan orang, senjata ,peluru dan makanan serta minuman.⁵⁵

KESIMPULAN

Kesultanan Melayu Melaka merupakan pencorak kepada struktur politik negeri-negeri di Alam Melayu. Walaupun empayar Melaka telah dimusnahkan oleh kuasa Portugis dalam tahun 1511 namun kesultanan tersebut telah meninggalkan warisan serta sistem pemerintahan yang seterusnya diterajui oleh Kerajaan Johor. Selepas perpecahan empayar Johor menjelang tahun-tahun 1760an, sistem pentadbiran tersebut terus diwarisi dan dikekalkan sehingga sekarang.

Walau bagaimanapun di Negeri Sembilan ia telah banyak mengalami perubahan dan terdapat perbezaan yang jelas berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Negeri Sembilan dibahagikan kepada beberapa luak atau daerah. Setiap luak di Negeri Sembilan merupakan satu unit dan satu sistem politik yang tersendiri dan berasingan walaupun perbezaan antara satu luak dengan lain tidak banyak dan tidak pula menonjol.⁵⁶

Namun dari segi susunan hirarki pemberasnya, setiap luak menunjukkan sedikit kelainan. Dalam institusi politik Sungai Ujong wujud konsep Penghulu (Undang) Dua Sela di mana terdapat dua orang pemerintah. Mereka ialah Datuk Kelana Putera dan Datuk Syah Bandar. Kedua-dua orang pemimpin ini mempunyai wilayah lingkungan kuasa tersendiri. Wilayah lingkungan kuasa Datuk Kelana Putera ialah di darat dan Datuk Syahbandar pula di air.

Justeru itu luak-luak tersebut tidak pernah mewujudkan satu kesatuan politik sebelum tahun 1898. Pada bulan April 1898 atas desakan British, penghulu-penghulu Negeri Sembilan terpaksa mengakui Tengku Mohammad sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan melalui Perjanjian Antara Yang Dipertuan Besar Seri Menanti dan Undang Yang Empat. Sebelum tercapainya perjanjian tersebut, luak-luak Negeri Sembilan secara praktiknya tidak pernah mengakui Yang Dipertuan Besar (Yamtuan Besar) sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan melainkan sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Menanti sahaja.⁵⁷

⁵⁵ D.F.A. Hervey, ' Rembau ', JSBRAS, 1884, No 13, hlm.247.

⁵⁶ Norhalim Haji Ibrahim, *Sejarah Linggi: Pintu Gerbang Sejarah Pembangunan Negeri Sembilan*, Fajar Bakti, Shah Alam, 1998, hlm.150.


⁵⁷ Norhalim Haji Ibrahim, 1995, hlm.322 - 5.

Dengan pengamalan Adat Perpatih yang sangat unik dengan konsep matriachal (ibu sebagai yang utama di dalam keluarga dan pangkal garis keturunan) menempatkan Negeri Sembilan dari segi politiknya berbeza dengan sistem politik kerajaan-kerajaan Melayu yang lain. Sistem pentadbiran bermula dengan rakyat diberi kebebasan memilih seorang ketua yang dipanggil Buapak. Seterusnya Buapak memilih Lembaga, kumpulan Lembaga memilih Penghulu atau Undang dan Undang akan memilih Yang Dipertuan Besar.

Ini menunjukkan setiap pemimpin yang dilantik adalah di atas kemahuan ramai. Jelaslah bahawa pentadbiran politik Negeri Sembilan mementingkan cara pemerintahan dari bawah yang mengutamakan konsep perundingan. Semua keputusan yang diambil dalam menyelesaikan sesuatu masalah adalah mengikut saluran dan lingkungan kekuasaan yang tertentu. Saluran-saluran itu bermula dari peringkat yang paling rendah iaitu anak buah kepada Yamtuan sehingga sesuatu masalah itu dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun struktur politik kerajaan di Negeri Sembilan tidak menyerupai struktur Minangkabau kerana berlaku banyak perubahan bagi menyesuaikannya dengan keadaan sosio-politik tempatan.

PETA 1:

PETA NEGERI SEMBILAN YANG MENUNJUKKAN WILAYAH-WILAYAH
YANG DIPERINTAH OLEH UNDANG DAN PENGHULU



- | | |
|-----------------------------|-----------------------------|
| 1. UNDANG LUAK SUNGAI UJONG | 6. PENGHULU LUAK JEMPUL |
| 2. UNDANG LUAK JELEBU | 7. PENGHULU LUAK MUAR |
| 3. UNDANG LUAK JOHOL | 8. PENGHULU LUAK TERACHI |
| 4. UNDANG LUAK REMBAU | 9. PENGHULU LUAK GNG. PASIR |
| 5. TENKU BESAR TAMPIN | 10. PENGHULU LUAK INAS |

Sumber: Mubin Sheppard, A Short History of Negri Sembilan, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1965, hlm. 6.